

Cadangan naik taraf kolam tadahan Kampung Berembang

KUALA LUMPUR - Kementerian Wilayah Persekutuan bercadang menaikkan taraf kapasiti kolam tadahan Kampung Berembang, di sini bagi mengatasi masalah banjir kilat di ibu negara.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, penambahbaikan kolam penahanan air bagi Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan (Smart) itu akan dilakukan sebagai persediaan menampung intensiti hujan yang banyak.

"Usaha ini akan melibatkan kerja-

sama antara DBKL (Dewan Bandaraya Kuala Lumpur) dan JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) dalam memastikan air hujan yang berlebihan tidak melimpah daripada kolam dan seterusnya mengakibatkan banjir kilat.

"Kami juga bercadang membina satu kolam tadahan banjir Sungai Bunus berdekatan Universiti Teknologi Malaysia, di sini dan SMART 2 sebagai usaha mengawal keadaan banjir kilat sekiranya berlaku di situ," katanya. Beliau mengulas mengenai banjir kilat di beberapa

lokasi di ibu negara kelmarin selepas Majlis Pelancaran Pecah Tanah dan Permohonan Projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Rumawip) Residensi Rampai II, Taman Seri Rampai, kelmarin.

Tengku Adnan berkata, banjir kilat di kawasan Masjid Jamek, petang semalam berpunca daripada pertembungan limpahan air Sungai Bunus (Sungai Gombak) dan Sungai Klang akibat limpahan hujan sebanyak dua kali ganda daripada biasa. - Bernama



Tengku Adnan memerhatikan seorang penduduk mengisi borang.